

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN  
RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH  
(KUALA TERENGGANU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.05.2015**

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD  
BAHARUDDIN SHAH [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI  
KEWANGAN** menyatakan siapakah yang telah menanggung segala  
'liability' kewangan Terengganu Investment Authority (TIA) apabila  
Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih syarikat tersebut dan  
menubuhkan pula " 1MDB " dan berapakah jumlah kewangan yang  
terbabit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1MDB ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Seperti syarikat-syarikat lain di bawah Akta tersebut, pengambilalihan Terengganu Investment Authority (TIA) oleh Kerajaan Persekutuan adalah satu pengambilalihan penuh merangkumi keseluruhan syarikat termasuk aset, liabiliti dan ekuiti.

Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih syarikat Terengganu Investment Authority Berhad (TIA) daripada Kerajaan Negeri Terengganu pada 25 September 2009 dengan harga sebanyak RM1,000,002.00 dan TIA seterusnya ditukar nama kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB).